
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HBT 501 – TEORI TERJEMAHAN LANJUTAN

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Jawab TIGA soalan sahaja.
2. Soalan 1 dalam Bahagian A wajib dijawab.
3. Jawab mana-mana DUA soalan dalam Bahagian B.

Bahagian A

Soalan wajib dijawab.

1. Telitikan pernyataan berikut.

“...since linguistics is the study of language and has produced such powerful and productive theories about how language works, and since translation is a language activity, it would seem only common sense to think that the first had something to say about the second.” (Fawcett, 1997: 1)

Berikan hujah-hujah berdasarkan isu berkaitan bahasa dan terjemahan yang menyokong ATAU menolak pernyataan di atas.

[40 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA soalan.

2. Hatim dan Mason (1990) telah mengutarakan teori teks-linguistik yang berasaskan tiga dimensi konteks, iaitu transaksi komunikatif, transaksi pragmatik dan interaksi semiotik. Bagaimanakah pemahaman tentang tiga dimensi ini dapat membantu seseorang penterjemah dalam melakukan terjemahan? Sertakan contoh-contoh yang sesuai dalam perbincangan anda.

[30 markah]

3. Bincangkan TIGA faktor yang menyebabkan proses kognitif dalam penterjemahan menjadi lebih rumit jika dibandingkan pemprosesan atau penghasilan teks ekabahasa. Berikan contoh-contoh yang sesuai dalam perbincangan anda.

[30 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

[a] Bagaimanakah pemerhatian terhadap produk terjemahan membolehkan anda menela norma proses yang digunakan oleh penterjemah?

[b] Dengan menggunakan beberapa contoh bidang yang khusus, jelaskan litupan norma yang hadir dan kesannya terhadap hasil terjemahan.

[30 markah]

5. Teliti **TEKS A**.

TEKS A

Dia memandu kereta ke Ladang Morgan di luar pekan Pelabuhan Klang. Hanya emak Chandran saja ada di rumah. Dia berkata bahawa Chandran telah keluar ke ladang yang berdekatan kira-kira satu setengah kilometer dari situ. Faruk dan Johar terus ke sana.

Sumber: *Hardy Boys Misteri Tongkang China* (Kuala Lumpur: Hasratpelajar, 1988), hlm. 31. Disusun oleh Zainun Abidin Baharum.

Cerita "The Hardy Boys" ditulis oleh Frank W. Dixon antara tahun 1927-1979. Pembaca sasaran asalnya ialah remaja lelaki Amerika. Teks A merupakan petikan sebuah buku dalam siri selari "The Hardy Boys" yang dihasilkan dalam bahasa Malaysia. Berdasarkan **TEKS A**, huraikan konsep dekonstruksi dan kaitannya dengan penghasilan teks terjemahan yang sesuai untuk pembaca sasaran yang berbeza.

[30 markah]